

# Melayu patut malu

Oleh ASUKI ABAS

**P**UTRAJAYA 23 Ogos - Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, orang Melayu hanya akan memiliki hak 'Ketuanan Melayu' sebenar apabila mereka mempunyai kekuatan dan kemampuan untuk menyaingi kaum Cina dari India dalam bidang ekonomi tanpa sokongan daripada kerajaan.

Orang Melayu, kata bekas Perdana Menteri lagi, sepatutnya berasa malu dengan keistimewaan yang diberikan oleh kerajaan kepada mereka termasuk tanah rizab Melayu kerana ia menunjukkan mereka masih lemah dan perlu dilindungi.

"Ketuanan Melayu bukannya mengenai tanah rizab, sebaliknya ialah mengenai keupayaan dan kekuatan kita untuk bersaing dengan kaum lain.

"Tanah-tanah rizab itu sebaliknya memalukan, kerana ia menandakan kita masih lemah, tidak boleh bersaing dan perlu dilindungi.

## Kegagalan

"Saya malu dalam negara saya sendiri kena ada tanah rizab Melayu, ia membuatkan kita ini rasa macam Red Indian di Amerika," tegas Dr. Mahathir.

Amat making lagi, kata beliau, sebahagian besar orang Melayu merasakan bahawa tanah rizab merupakan sebahagian daripada simbol Ketuanan Melayu.

Dr. Mahathir mengingatkan orang Melayu ketika menyampaikan Siri Syarahan Perdana Mengenai Perpaduan Nasional anjuran bersama Yayasan Kepimpinan Perdana dan Institut Pengembangan Ilmu (Inka) di Kompleks Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini hari ini.

Turut hadir ialah Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Beliau berkata, kecenderungan orang Melayu terhadap budaya cepat kaya dan kerja senang pula merupakan penyebab kepada kegagalan mereka dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk mencapai pegangan ekonomi 30 peratus.

• **Lihat muka 4**

## Melayu patut malu

Katanya, budaya itu menyebabkan orang Melayu enggan berusaha untuk meningkatkan daya saing sebaliknya lebih berminat memperoleh kesenangan segera dengan menjual sebarang peluang yang diberikan oleh kerajaan.

"Kerajaan telah memberikan segala-galanya, kerajaan' telah membuka peluang untuk mereka, melatih mereka, meiludik mereka, hanya satu kesilapan iaitu tidak ada tumpuan diberikan kepada budaya atau sistem nilai hidup kita.

"Apa yang kerajaan telah berikan kepada kaum Melayu adalah lebih dari mencukupi untuk membolehkan mereka mencapai 30 peratus, tetapi semuanya mereka jual," kata Dr. Mahathir.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, mentaliti Melayu yang mahu cepat kaya membuatkan semua peluang yang diberikan kepada mereka disalah guna seperti pemberian permit import kenderaan (AP) dan juga hak untuk mendapat agihan saham dalam syarikat tersenarai.

"Kita berikan AP kepada orang Melayu, tetapi mereka hukannya mahu berusaha menjual sendiri kereta tetapi AP itu dijual pula kepada peniaga Cina, sehingga ada yang saya dengar dapat RM80,000 sebidan hasil daripada itu.

"Tetapi tiap kali lepas jual, mereka akan datang semula untuk dapatkan lebih banyak AP, tak habis-habis.

Apa salahnya sirtipan RM80,000 yang diperoleh itu untuk membuat sesuatu yang berfaedah seperti apa yang dilakukan oleh syarikat Naza yang turut menerima AP tetapi menggunakannya sebaik mungkin sehingga syarikat itu menjadi besar sekarang ini," katanya.

Dr. Mahathir berkata, budaya cepat kaya itu juga menyebabkan syarikat pelaburan berkanun terpaksa ditubuhkan bagi melindungi kepentingan Melayu dalam ekonomi negara kerana individu Melayu yang menerima saham dari kerajaan akan menjualnya secepat mungkin untuk keuntungan segera.

"Sebab itulah kita tubuhkan Permodalan Nasional Bhd., (PNB) dan letakkan syarat supaya mereka yang menerima saham tidak boleh menjual kepada kaum lain kecuali Melayu atau PNB.

"Sekarang ini pun daripada kira-kira 20 peratus pegangan Melayu yang ada, hanya tiga peratus sahaja yang dipegang individu Melayu; yang lainnya iaitu 17 peratus lagi dipegang oleh syarikat seperti PNB ini," katanya.

Menurut Dr. Mahathir, DEB yang bertujuan mengurangkan jurang ekonomi antara Melayu dan kaum lain di negara ini masih penting untuk memastikan agenda perpaduan nasional dapat dipenuhi.

"DEB bukannya tidak mencapai kejayaan langsung kerana sudah banyak ahli perniagaan Melayu yang berjaya tetapi jumlahnya tidak mencukupi.

"Kaum Melayu perlu membuat perubahan budaya untuk membolehkan kita memiliki daya saing yang setaraf dengan kaum lain dan ia sekali gus akan dapat menghapuskan rasa takut atau sangsi terhadap kaum lain dan membantu menyatukan semua kaum yang terdapat di negara ini," katanya.